

# PROGRAM DIALOG TRANSFORMASI NASIONAL (TN50D) PERTAHANAN PERINGKAT MARKAS PEMERINTAHAN OPERASI UDARA

[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2484-program-dialog-transformasi-nasional-tn50d-pertahanan-peringkat-markas-pemerintahan-operasi-udara](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2484-program-dialog-transformasi-nasional-tn50d-pertahanan-peringkat-markas-pemerintahan-operasi-udara)

BANTING, 28 Sep 17 - Panglima Operasi Udara, YBhg Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Abd Wahab TUDM telah menjadi Panel bagi Sesi Dialog TN50D peringkat Markas Pemerintahan Operasi Udara yang berlangsung di Rejimen TUDM hari ini. Turut sama menjadi Panel adalah Pegawai Memerintah Rejimen TUDM, YBhg Brig Jen Hj Mohamed Nazri bin Dashah TUDM manakala Moderator bagi program ini ialah Kol Hasnol Hisham bin Abu Hassan TUDM. Program yang berlangsung di Mess Ahli Udara Rejimen TUDM telah dihadiri oleh semua peringkat pegawai dan anggota di bawah naungan Markas Pemerintahan Operasi Udara.



